

Tiga garis panduan diplomasi negara Islam

KUALA LUMPUR - Raja Muda Perak, Raja Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah bertitah, baginda menggariskan tiga garis panduan yang boleh diaplikasikan sebagai diplomasi kontemporari oleh semua negara Islam yang diinginkan dalam keselamatan sejagat.

Dalam titahnya, Islam adalah satu agama unik dan adil serta menjadi rujukan sah diguna pakai pihak asing, sebagai mana polisi domestik untuk keselamatan sejagat.

"Pertama, merujuk kepada kejayaan dicapai Nabi (Muhammad SAW) membawa keamanan dan kesejahteraan menyatukan jurang dan komuniti masyarakat Arab, ia boleh jadi inspirasi dan usaha kurangkan permusuhan sesama negara Islam.

"Kedua, adalah memahami bahawa Islam sebuah agama menyokong prinsip maruah kemanusiaan; pembangunan kemanusiaan; dan keselamatan sejagat. Nilai mendidik mengenai Islam boleh lebih efektif untuk merangsang usaha negara-negara Islam bertindak sama ada secara individu atau kolektif menerusi pelbagai institusi seperti Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Bank Pembangunan Islam untuk membawa pembangunan lebih baik.

"Garis panduan ketiga, infrastruktur bukan kerajaan bagi pembangunan sejagat dan keselamatan sejagat perlu dibangunkan di kebanyakan negara Islam," titah baginda.

Baginda bertitah demikian pada Forum Keamanan dan Sekuriti 2013 yang bertemakan Islam dan Diplomasi-Pencarian Bagi Keselamatan Sejagat, di Institusi Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR) di Kuala Lumpur.